



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
OKTOBER 2023

Indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 2.2 peratus pada Oktober 2023

PUTRAJAYA, 8 November 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR OKTOBER 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan peningkatan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti simen, pasir dan batu baur bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 2.2 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Oktober 2023 berbanding bulan lepas. Namun begitu, terdapat penurunan dicatatkan bagi kawasan Perak (-0.2%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.3%) dan Johor (-1.0%).

Indeks seunit harga pasir turut merekodkan peningkatan antara 0.6 peratus dan 3.3 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak seperti di Perak (2.2%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (0.6%), Kuching (2.8%) dan

Miri (3.3%). Indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi semua kawasan di Sabah.

Namun begitu, perbandingan bulanan pada Oktober 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu antara negatif 0.9 peratus dan negatif 3.5 peratus bagi hampir semua kawasan. Selain daripada itu, indeks harga seunit keratan keluli & logam pula mencatatkan penurunan harga antara 0.3 peratus dan 1.1 peratus bagi hampir kesemua kawasan berbanding September 2023.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Oktober 2022 dan Oktober 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 peratus dan 29.4 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi indeks harga seunit simen adalah kawasan Kelantan & Terengganu (29.4%) dan diikuti oleh kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (25.7%). Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 5.8 peratus bagi Oktober 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan indeks harga seunit besi dicatatkan di Perak (0.6%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.4%) dan Sandakan (1.4%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan peningkatan yang kecil iaitu 0.2 peratus dengan purata harga RM22.94 per 50 kg sekarung berbanding September 2023 (RM22.89 per 50 kg sekarung). Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,590.40 bagi setiap tan metrik dengan peningkatan yang kecil iaitu 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya (September 2023: RM3,587.62 per tan metrik).

Selain daripada itu, perbandingan bulanan indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi bulan Oktober 2023 mencatatkan peningkatan antara 0.2 peratus dan 0.7 peratus bagi dua kawasan Semenanjung Malaysia khususnya di Perak dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis. Namun begitu terdapat sedikit penurunan bagi IKB (termasuk bar keluli) antara negatif 0.2 peratus dan negatif 1.0 peratus dicatatkan di kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan, Johor dan Kelantan & Terengganu.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 8 November 2023

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah pula menunjukkan peningkatan di antara 0.4 peratus dan 0.6 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Sandakan dan Tawau pada Oktober 2023 berbanding bulan sebelumnya. Manakala indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.3 peratus dan negatif 1.6 peratus, kecuali bagi bangunan kayu dan cerucuk kayu.

Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Oktober 2023 menunjukkan peningkatan indeks di antara 0.1 peratus dan 0.4 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching dan Miri. Manakala indeks bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu kekal tidak berubah berbanding bulan September 2023.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 8 November 2023

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2022 – Oktober 2023



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2022 – Oktober 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 NOVEMBER 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, November 8, 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
OCTOBER 2023**

The price index of cement recorded an increase between 0.1 per cent and 2.2 per cent in October 2023

PUTRAJAYA, November 8, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, OCTOBER 2023, today. This release provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed an increase in the unit price index for selected materials such as cement, sand and aggregates for most areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also stated that a monthly comparison in October 2023 recorded an increase between 0.1 per cent and 2.2 per cent in the unit price index of cement for almost all areas. However, there was a decrease of the unit price index of cement in Perak (-0.2%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (-0.3%) and Johor (-1.0%).

The unit price index of sand also recorded an increase between 0.6 per cent and 3.3 per cent for selected areas in Peninsular Malaysia and Sarawak such as Perak (2.2%), Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.6%), Kuching (2.8%) and Miri (3.3%). The unit price index of this material remained unchanged for all areas in Sabah.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, November 8, 2023**

Meanwhile, a month-on-month comparison for October 2023 recorded a decrease between negative 0.9 per cent and negative 3.5 per cent in the unit price of steel for almost all areas. Apart from that, the unit price index of steel & metal sections also recorded a price decrease between 0.3 per cent and 1.1 per cent for almost all areas as compared to September 2023.

An annual comparison for the period of October 2022 and October 2023 showed that the unit price index of cement recorded an increase between 2.8 per cent and 29.4 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. The highest increase in the price index per unit of cement was observed in Kelantan & Terengganu (29.4%), followed by Pulau Pinang, Kedah and Perlis (25.7%). The price index per unit of steel declined between negative 0.1 per cent to negative 5.8 per cent for October 2023 as compared to the same month last year. However, an increase in the unit price index of steel was registered in Perak (0.6%), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.4%) and Sandakan (1.4%).

The Chief Statistician of Malaysia further stated that the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a slight increase of 0.2 per cent with an average price of RM22.94 per 50 kg bag as compared to September 2023 (RM22.89 per 50 kg bag). The average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,590.40 per metric tonne, recording a slight increase of 0.1 per cent as compared to the previous month (September 2023: RM3,587.62 per metric tonne).

Apart from that, the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia increased between 0.2 per cent and 0.7 per cent in October 2023 for two areas in Peninsular Malaysia specifically in Perak and Pulau Pinang, Kedah & Perlis. However, a slight decrease for BCI (with steel bars) between negative 0.2 per cent and negative 1.0 per cent was posted for the Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan, Johor and Kelantan & Terengganu.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded an increase between 0.4 per cent and 0.6 per cent for almost all building categories in Sandakan and Tawau in October 2023 as compared to the previous month. However, the index for almost all building

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, November 8, 2023**

categories in Kota Kinabalu recorded a decrease in a range of negative 0.3 per cent and negative 1.6 per cent, except for timber buildings and timber piling.


A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for October 2023 showed an increase in the index of 0.1 per cent and 0.4 per cent for almost all categories of buildings in Kuching and Miri. Meanwhile, the index for almost all categories of buildings in Sibu remained unchanged as compared to the previous month.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2022 – October 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, November 8, 2023**

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2022 – October 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 NOVEMBER 2023**